

Pertanian Bandar

by A. Rahman

Agriculture - General

pg=38 - 40

00003740-28

BERCUCUK tanam di sekeliling rumah sudah lama diamalkan oleh masyarakat, terutama di desa dan di kampung. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka memiliki kawasan tanah rumah yang luas untuk melakukan aktiviti tersebut. Keadaan ini berbeza dengan penduduk di bandar yang mempunyai kawasan tanah yang terhad. Oleh itu, pihak Jabatan Pertanian dan MARDI mengambil inisiatif dan inovasi memperkenalkan kaedah pertanian moden untuk penduduk bandar melakukan aktiviti pertanian bandar.

Pertanian bandar yang dianjurkan oleh MARDI merupakan aktiviti menghasilkan, memproses dan memasarkan makanan dan produk pertanian dalam kawasan bandar dan pinggir bandar menggunakan kaedah pengeluaran intensif, menggunakan semula sumber asli dan sisa buangan bandar untuk menghasilkan kepelbagaian tanaman dan ternakan. Aktiviti ini selaras dengan program Bumi Hijau anjuran Jabatan Pertanian yang menggalakkan orang ramai untuk bercucuk tanam di kawasan terhad bagi mengurangkan kos perbelanjaan pasar dan sumber makanan segar kepada orang ramai.

Pertanian bandar bukanlah sesuatu yang baharu di negara maju. Model pembangunan Machu Picchu di Peru sekitar tahun 1450, direka untuk mewujudkan ladang bandar yang produktif dengan menempatkan pertanian dalam bandar dan sekitar bandar. Amerika Syarikat juga telah mengiktiraf nilai pertanian sebagai guna tanah yang diluluskan di kawasan bandar.

Pertanian bandar seperti tanaman fertigasi atau hidroponik sama ada menggunakan beg plastik, paip plastik atau takungan hidroponik, pada masa ini mungkin belum mendesak untuk dilaksanakan di negara kita. Aktiviti ini dilakukan sebagai hobi oleh orang perseorangan yang berminat bercucuk tanam, atau projek perintis yang dilakukan oleh agensi berkaitan, dan di sekolah sebagai aktiviti pendidikan. Usaha bercucuk tanam secara kecil-kecilan juga diusahakan oleh mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap,

golongan berpendapatan rendah, suri rumah dan juga golongan pesara untuk mengisi masa lapang mereka dan menambah pendapatan.

Negara kita juga masih memiliki tanah yang luas untuk pertanian untuk ditanami pelbagai jenis tanaman termasuk sayur-sayuran yang menjadi keperluan orang ramai setiap hari. Orang ramai boleh mendapatkan sayur-sayuran dan ulam-ulaman di pasar dengan mudah. Sementara itu, kos untuk menyediakan tapak pertanian bandar termasuklah peralatan pertanian hidroponik mencecah RM2500. Kos ini sudah pasti tidak mampu oleh golongan berpendapatan rendah walaupun aktiviti ini amat membantu golongan tersebut untuk menambah pendapatan dan menjimatkan perbelanjaan harian mereka. Oleh itu, agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang ingin membantu golongan tersebut seharusnya memikirkan langkah ini sebagai usaha membantu mereka.

Pihak MARDI sendiri telah memperkenalkan Urban Kit dan Green Kit dengan kos yang lebih murah. Kaedah yang diperkenalkan oleh MARDI ini menggabungkan jalin aktiviti pertanian penanaman sayur-sayuran dan ternakan ikan air tawar. Air daripada kolam ikan dialirkan kepada tanaman bagi menggantikan larutan baja yang digunakan dalam tanaman hidroponik. Aliran air dikawal dan diselarkan dengan menggunakan pam. Menurut MARDI, kos untuk menyediakan Urban Kit bagi saiz yang sama dengan tanaman hidroponik kira-kira RM1000 sahaja.

Pada masa ini pertanian bandar memang belum banyak diusahakan di negara kita kerana keadaan belum mendesak. Menjelang tahun 2020, kadar penduduk bandar di Semenanjung Malaysia dijangka meningkat kepada 75 peratus berbanding 65.4 peratus pada tahun 2000. Peningkatan kadar kemiskinan bandar dan krisis makanan bandar di negara membangun selari dengan kepesatan perbandaran. Di samping masalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan yang mencukupi, kawasan bandar juga mengalami peningkatan jumlah sisa buangan, pencemaran udara dan pencemaran



akan memaksa penduduk mencari pendapatan tambahan mengatasi masalah tersebut, dan bandar salah satu pilihannya. Di sini, Malaysia bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan sayur-sayuran. Menurut Jabatan Pertanian dan Industri Asas Tani, laporan bertulis di parlimen, import sayur-sayuran pada tahun 2014 bernilai RM3.2 bilion. Tanaman sayuran dalam negara belum dapat memenuhi keperluan negara. Kerajaan berusaha untuk meningkatkan pengeluaran sayuran-sayuran dengan menggunakan pertanian moden. Orang ramai semakin berminat untuk bercucuk sendiri bagi menampung kos yang semakin meningkat. Aktiviti pertanian bandar semakin meningkat kerana langkah proaktif bagi mengatasi situasi itu, khususnya untuk mengurangkan import sayur-

tanian bandar dan program ini pada dasarnya adalah untuk mengatasi kawasan kosong di bandar dan taman perumahan. Kawasan yang kecil boleh ditanami dengan sayur-sayuran secara bertingkat-tingkat dengan menanam yang lebih

banyak. Sekiranya jiran-jiran berkongsi kawasan bagi tujuan ini, tentulah jumlah tanaman yang dapat ditanam lebih banyak. Mereka dapat berkongsi manfaat daripada usaha itu.

Kaedah pertanian moden ini digunakan bagi mengatasi masalah tanah kurang subur dan sebagainya. Selain menggunakan baja, mereka juga boleh menggunakan sisa organik dari rumah yang kebanyakannya dibuang ke tong sampah. Bahan ini boleh dijadikan kompos sebagai baja tanam-tanaman. Jabatan Pertanian bersedia untuk membantu individu atau kumpulan yang berminat untuk mengusahakan pertanian bandar dan program Bumi Hijau termasuklah dengan memberi khidmat nasihat atau bantuan peralatan, dan benih.

Usaha bersama-sama dengan jiran secara tidak langsung dapat memupuk semangat kejiranan dan bekerjasama antara penghuni di kawasan perumahan. Keharmonian dan muhibah dapat dipupuk dalam kalangan penduduk. Mereka lebih seronok lagi kerana tanam hijau menghidkan kawasan mereka. Udara juga segar kerana tanaman hijau membebaskan oksigen dan menggunakan karbon

dioksida yang dapat mengurangkan kesan pencemaran udara.

Selain itu, kawasan perumahan yang mengusahakan pertanian moden akan menarik perhatian orang ramai. Dengan menguar-uarkan di media massa dan media sosial, akan menarik minat orang luar dan pelancong melihat tanaman yang diusahakan. Secara tidak langsung dapat menarik pelancong ke kawasan berkenaan dan dapat memberi sumbangan kepada industri pelancongan negara.

Pengusaha projek boleh menyediakan maklumat dan penerangan kepada pelawat. Secara tidak langsung juga kawasan ini dapat menjadi pusat pendidikan kepada orang ramai, terutama golongan pelajar. Mereka boleh membuat lawatan sambil belajar dan mewujudkan kawasan penanaman di sekolah untuk menceriaikan kawasan sekolah dalam program alam sekitar.

Pengusaha pertanian bandar juga boleh menjual atau membekal peralatan untuk menyediakan tapak pertanian kepada mereka yang berminat. Pihak sekolah seharusnya menggunakan kepakaran mereka untuk memberi tunjuk ajar pelaksanaan pertanian moden kepada pelajar. Tanggapan pelajar kurang berminat untuk mengambil kursus pertanian kerana tanggapan masyarakat bahawa bidang pertanian kurang memberi peluang pekerjaan ini seharusnya diperbetul kerana pertanian moden memerlukan teknologi tinggi dan memerlukan kepakaran. Generasi muda wajar dibekalkan ilmu dan amalan pertanian moden untuk membina masa depan negara.

Sesungguhnya, aktiviti bercucuk tanam di sekeliling rumah dan taman perumahan memberi faedah kepada masyarakat. Masyarakat bukan sahaja mengisi masa lapang dengan melakukan aktiviti fizikal yang dapat mengeluarkan peluh, malah mereka mendapat bekalan sayur-sayuran yang segar dan bebas racun serangga. Amalan ini seharusnya menjadi budaya masyarakat untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada sumber import. ❁